



NAJIB dan Muhyiddin menyaksikan Majlis Menandatangani MOU antara Pejabat Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Ikhtisas Wanita yang diwakili Shahrizat (kiri) dengan UKM yang diwakili Dr Noor Azlan (kanan), semalam.

Bina pusat jagaan anak di pejabat

■ Galak lebih ramai wanita bekerja

Oleh Mohd Husni Mohd Noor

mhusni@hmetro.com.my

Putrajaya

Sektor swasta dan perkhidmatan awam di negara ini diminta mewujudkan kemudahan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja masing-masing bagi menggalakkan lebih ramai wanita untuk bekerja.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, inisiatif itu antara satu usaha yang boleh dilakukan sektor berkenaan bagi menarik penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan.

"Inisiatif berkenaan diharapkan dapat membantu kerajaan mencapai sasaran 59 peratus penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan di negara ini," katanya ketika berucap pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Pejabat Penasihat Keusahawanan dan Ikhtisas Wanita (KIW) dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Turut hadir Penasihat KIW Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan Naib Canselor UKM Datuk Dr Wan Noor Azlan Ghazali.

Katanya, sasaran ditetapkan itu juga selaras pembentangan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) kelmarin apabila beberapa inisiatif diwujudkan bagi mencapai sasaran 30 peratus wanita dalam peringkat membuat keputusan terutama di sektor per-

khidmatan awam.

Najib berkata, buat masa ini, sasaran berkenaan sudah dicapai malah, 34 peratus daripada pengurusan tertinggi perkhidmatan awam iaitu dari peringkat Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) C terdiri daripada pegawai wanita.

Malah, katanya, usaha kini dilakukan bagi menempatkan pekerja wanita di peringkat lembaga pengarah dan pengurusan di syarikat senaraian awam dan swasta.

Dalam pada itu, katanya, KIW kini melatih 900 pekerja wanita yang berpotensi untuk menjadi ahli lembaga pengarah.

"Saya berharap syarikat senaraian awam boleh membantu menyediakan tempat kepada wanita profesional untuk menduduki tempat ahli lembaga pengarah," katanya.

Katanya, beliau berharap KIW dan UKM boleh membantu memperkasakan ke-

upaya wanita di negara ini menerusi program dan latihan yang disediakan.

Kerjasama KIW dan UKM antara lain mahu mewujudkan kerjasama dan usaha bersama melalui perkongsian bijak untuk memacu usahawan dan wanita profesional ke satu tahap yang lebih tinggi.

KIW juga mendedahkan wanita profesional kepada konsep, teknik dan ideologi terbaru yang lebih inovatif menerusi pembangunan modul, penyelidikan, khidmat komuniti, konsultasi dan pelbagai bidang lain yang berkaitan.

FAKTA
KIW kini melatih 900 pekerja wanita yang berpotensi untuk menjadi ahli lembaga pengarah